

Penduduk sudah lama tunggu pembangunan

B/HARAU

6/3/19 ms 14

Baling: Penduduk Baling yang sudah lama menunggu projek pembangunan yang boleh membawa perubahan kepada kehidupan mereka, yakin cadangan pembinaan lebuhraya menghubungkan daerah ini dan Perak tanpa melalui Pulau Pinang mampu mempercepatkan pembangunan daerah luar bandar berkenaan.

Menyambut baik syor dikemukakan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir itu, mereka percaya kemudahan yang dicadangkan itu boleh membantu penduduk mempelbagaikan sumber ekonomi mereka tanpa hanya bergantung kepada pendapatan sebagai penoreh getah atau petani.

Jurualatih sekolah memandu, Mohd Firdaus Rosli, 32, berkata sudah sekian lama penduduk Baling menantikan projek pemba-

ngunan dibawa ke daerah ini.

"Saya berharap kerajaan negeri benar-benar ikhlas membantu kami di Baling kali ini. Sebagai generasi muda, kami berasakan daerah ini masih ketinggalan berbanding kawasan lain dan disebabkan ekonomi tidak berkembang, penduduk terpaksa bergantung kepada sumber getah dan pertanian menyebabkan ramai hidup di bawah paras kemiskinan," katanya.

Bina lebuhraya

Bagi petani dari Kampung Ulu Tawar, Muhamad Zuki Awang, 42, meminta Kerajaan Pusat memberi perhatian serius kepada cadangan membina lebuhraya itu yang pasti mampu membuka laluan kepada jalinan pengangkutan yang lebih berkesan, sekali gus akan turut

menggalakkan pembangunan sek-



Lebuhraya yang dicadangkan mampu membawa rahmat kepada kami terutama petani"

Muhamad Zuki Awang,
Petani



Sebagai generasi muda, kami berasakan daerah ini masih ketinggalan berbanding kawasan lain"

Mohd Firdaus Rosli,
Jurualatih sekolah memandu

tor pelancongan di sini.

Masih mundur

"Ada daerah di Kedah masih mundur, perlukan pembelaan sewajarnya terutama dalam meningkatkan taraf hidup penduduk. Lebuhraya yang dicadangkan mampu membawa rahmat kepada kami terutama petani untuk mengedar hasil tani mereka ke pasaran lebih luas selain terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Pernasihat Bahagian Perancang Ekonomi Kedah, Prof Madya Dr Mukaramah Harun juga yakin pembinaan lebuhraya melalui Baling dan Sik mampu memacu pembangunan kedua-dua daerah berkenaan sebagai kawasan pelancongan ekonomi serta agro seperti dilhasratkan kerajaan negeri.